



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN



# SPM

# 2023

**LAPORAN ANALISIS  
KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

LAPORAN ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)

**2023**




## LATAR BELAKANG

Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah peperiksaan awam yang utama dan ditadbir secara berpusat pada akhir peringkat pendidikan menengah bagi tujuan pensijilan. Peperiksaan ini mula diperkenalkan pada tahun 1964. Sijil SPM merekodkan pencapaian akademik murid yang boleh digunakan untuk menyambung pengajian pada peringkat pendidikan tinggi dan menceburi bidang pekerjaan.

Pada umumnya, peperiksaan SPM bertujuan untuk mengukur sejauh mana pencapaian murid dalam pembelajaran yang telah dilaluinya selama 11 tahun bagi mendapat pengiktirafan menerusi penganugerahan sijil. Mulai peperiksaan SPM Tahun 2021, kesemua mata pelajaran yang diuji adalah berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang digunakan bermula pada tahun 2017.

Tahun ini juga merupakan tahun ketiga pelaksanaan format peperiksaan SPM yang telah diperkenalkan mulai tahun 2021 bagi **75** daripada keseluruhan **95** mata pelajaran yang ditawarkan. Melalui format baharu ini, KPM turut melaporkan kemahiran lisan murid melalui Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Mata pelajaran Bahasa Inggeris juga dijangka kepada Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Penguasaan Bahasa Inggeris calon dilaporkan dalam **dua (2)** bentuk pelaporan, iaitu dalam gred SPM dan berdasarkan tahap CEFR.






Daripada keseluruhan calon berdaftar dalam peperiksaan SPM Tahun 2023, **383,685** calon merupakan calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya enam (6) mata pelajaran. Daripada **383,685** calon baharu tersebut pula, seramai **373,525** telah hadir dan menduduki sekurang-kurangnya satu mata pelajaran. Perincian maklumat mengikut kategori calon yang mendaftar pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 ditunjukkan dalam **Jadual 1** dan **Rajah 1**.

Kategori Calon	2022		2023		Beza
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.
Sekolah KPM (Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan)	352,962	87.4%	347,943	87.9%	-5,019
Sekolah Agensi Kerajaan (Maktab Rendah Sains MARA, Maktab Tentera Diraja, Sekolah Integriti dan Sekolah Tunas Bakti)	8,183	2.0%	8,371	2.1%	188
Sek. Men. Agama Negeri	7,784	1.9%	7,438	1.9%	-346
Sek. Men. Agama Rakyat	2,663	0.7%	2,560	0.6%	-103
Sekolah Swasta	12,775	3.2%	13,128	3.3%	353
Persendirian	19,270	4.8%	16,484	4.2%	-2,786
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>403,637</b>	<b>100.0%</b>	<b>395,924</b>	<b>100.0%</b>	<b>-7,713</b>

**\*\*Data seperti pada 27 Mei 2024**


**Jadual 1: Daftar Calon Peperiksaan SPM Tahun 2023 Berbanding Tahun 2022**



**Rajah 1: Daftar Calon Mengikut Kategori Bagi Peperiksaan SPM Tahun 2023**

### Tarikh Peperiksaan


Peperiksaan SPM tahun 2023 telah berlangsung pada **5 Disember 2023** hingga **7 Mac 2024**. Perincian maklumat tentang tarikh peperiksaan ditunjukkan dalam **Rajah 2**.



**Rajah 2: Tarikh-tarikh Peperiksaan**

## Petugas Peperiksaan dan Pemeriksa

Seramai **129,635** petugas peperiksaan telah dilantik untuk memastikan pengurusan dan pengendalian peperiksaan SPM Tahun 2023 berjalan lancar di semua pusat peperiksaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **34,879** petugas peperiksaan terlibat bagi mengendalikan Ujian Amali Sains, **46,294** petugas peperiksaan bagi Ujian Mendengar dan Peperiksaan Bertulis, serta **48,462** petugas bagi Ujian Bertutur.



**Rajah 3: Maklumat Am Peperiksaan**

Manakala seramai **27,309** pemeriksa telah dilantik bagi memeriksa skrip jawapan peperiksaan. Pemeriksaan skrip jawapan peperiksaan telah dilaksanakan secara dalam talian menggunakan sistem LPSkor, kecuali bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual. Jumlah keseluruhan mata pelajaran yang ditawarkan adalah sebanyak **95** mata pelajaran merangkumi **180** kertas peperiksaan.



## PENGIKTIRAFAN SPM PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

---



Selaras dengan usaha untuk memastikan peperiksaan yang dikendalikan oleh KPM mendapat pengiktirafan antarabangsa, KPM telah mendapatkan khidmat pakar dari badan pentaksiran luar negara melalui jaringan profesional antarabangsa.

Pakar pentaksiran luar negara yang terlibat dalam peperiksaan SPM Tahun

2023 adalah dari **Cambridge University Press and Assessment** dan **Institute of Accountants and Bookkeepers (IAB), United Kingdom** serta **Victorian Curriculum and Assessment Authority (VCAA), Australia**. Pakar pentaksiran luar negara ini telah memberikan khidmat konsultasi dalam pembinaan item serta penentuan standard pensijilan SPM Tahun 2023.

## GREED PURATA NASIONAL



---

Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara ialah **Gred Purata Nasional (GPN)**. Nilai GPN yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik.

Analisis peperiksaan SPM Tahun 2023 dalam laporan ini adalah berdasarkan **calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran**

dan menduduki sekurang-kurangnya satu mata pelajaran, tidak termasuk calon mengulang.


Secara keseluruhannya, pencapaian calon bagi tahun 2023 adalah **lebih baik** berbanding tahun 2022. GPN tahun 2023 adalah **4.60** berbanding **4.74** pada tahun 2022, iaitu perbezaan sebanyak **0.14**. Trend GPN tahun 2021, 2022 dan 2023 ditunjukkan dalam **Rajah 4**.



Rajah 4: Trend GPN Tahun 2021, 2022 dan 2023

## GRED PURATA MENGIKUT LOKASI

Pencapaian SPM Tahun 2023 bagi kedua-dua kategori calon bandar dan luar bandar telah menunjukkan **peningkatan**. Namun begitu, jurang pencapaian calon antara bandar dan luar bandar tetap **kek**, iaitu pada **0.43** mata seperti peperiksaan SPM Tahun 2022. **Rajah 5** menunjukkan pencapaian calon mengikut lokasi.



Rajah 5: Gred Purata Mengikut Lokasi

## PENSIJILAN SPM


**93.5%**



Syarat pensijilan SPM mulai tahun 2013 menetapkan calon **sekurang-kurangnya lulus dua (2) mata pelajaran**; iaitu **Bahasa Melayu dan Sejarah**. Pada tahun 2023, peratus calon yang layak menerima sijil SPM telah menunjukkan peningkatan kepada **93.5%** berbanding **91.6%** pada tahun 2022. Peningkatan ini adalah sebanyak **1.9%** dan merupakan **pencapaian terbaik** sejak tahun 2013 berdasarkan syarat pensijilan SPM yang ditetapkan.

## PENCAPAIAN CALON PEPERIKSAAN SPM TAHUN 2023

Sebanyak **60.6% (226,358 calon)** daripada **373,525** calon baharu telah lulus sekurang-kurangnya semua mata pelajaran yang diduduki berbanding **57.1% (213,624 calon)** pada tahun 2022. Perincian pencapaian calon ditunjukkan pada **Rajah 6**.



**Rajah 6: Pencapaian Calon Tahun 2023 Berbanding Tahun 2022**

Pencapaian Calon	Keterangan Pencapaian
<b>Semua A</b>	Calon mendapat kombinasi gred A+, A dan A- sahaja
<b>Sekurang-kurangnya Kepujian</b>	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A- dan B+/B/C+/C
<b>Sekurang-kurangnya Lulus</b>	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A-/B+/B/C+/C/D dan E
<b>Sekurang-kurangnya Gagal 1 Mata Pelajaran</b>	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A-/B+/B/C+/C/D/E dan G
<b>Semua Gagal</b>	Calon mendapat gred G untuk semua mata pelajaran
<b>Lain-Lain Kombinasi Gred</b>	Calon mendapat kombinasi gred A+/A/A-/B+/B/C+/C/D/E/G dan T

**Jadual 2: Keterangan Pencapaian Calon**

## GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP)


Prestasi mata pelajaran merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran ialah **Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)**. Nilai GPMP yang **lebih kecil** menunjukkan prestasi mata pelajaran yang **lebih baik**.

### Prestasi Mata Pelajaran



**Rajah 7: Kumpulan Mata Pelajaran Berdasarkan KSSM**

Berdasarkan KSSM, mata pelajaran di peringkat menengah atas dikategorikan kepada 8 kumpulan; iaitu mata pelajaran Teras, mata pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan), mata pelajaran Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi), mata pelajaran Elektif STEM (Mata Pelajaran Vokasional), mata pelajaran Elektif Bahasa, mata pelajaran Elektif Pengajian Islam, mata pelajaran Elektif Kemanusiaan Dan Sastera Ikhtisas dan mata pelajaran Kesenian.



Keputusan peperiksaan SPM tahun 2023 berbanding SPM tahun 2022 menunjukkan sebanyak **66** mata pelajaran mencatatkan peningkatan prestasi, **25** mata pelajaran mencatatkan penurunan dan **4** mata pelajaran telah menunjukkan prestasi tidak berubah atau

kekal. Prestasi mata pelajaran mengikut kumpulan ditunjukkan dalam **Rajah 8** hingga **Rajah 15**.

Prestasi kesemua mata pelajaran Teras dalam peperiksaan SPM tahun 2023; iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Sejarah, Matematik dan Sains menunjukkan peningkatan. Mata pelajaran **Pendidikan Moral** menunjukkan peningkatan prestasi tertinggi, iaitu sebanyak **0.20** mata, manakala mata pelajaran **Bahasa Melayu** pula menunjukkan prestasi terbaik dengan GPMP **3.86** mata.

Meningkat
1. Pendidikan Moral
2. Sains
3. Bahasa Inggeris
4. Matematik
5. Bahasa Melayu
6. Sejarah
7. Pendidikan Islam

**Rajah 8: Prestasi Mata Pelajaran Teras**

Meningkat
1. Fizik
2. Matematik Tambahan
3. Biologi
4. Kimia

**Rajah 9: Prestasi Mata Pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan)**

Sebanyak **50** daripada **70** mata pelajaran elektif pula telah menunjukkan peningkatan prestasi, **19** mata pelajaran menunjukkan penurunan dan **satu** mata pelajaran mengekalkan prestasi seperti tahun 2022.

Kesemua **empat (4)** mata pelajaran Elektif STEM (Sains Tulen dan Matematik Tambahan) telah menunjukkan peningkatan. Mata pelajaran **Fizik** mencatatkan peningkatan prestasi tertinggi, iaitu sebanyak **0.22** mata dan merupakan mata pelajaran dengan prestasi terbaik dalam kumpulan ini dengan GPMP **4.15** mata.

Meningkat	Menurun
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik</li> <li>2. Sains Komputer</li> <li>3. Grafik Komunikasi Teknikal</li> <li>4. Pengajian Kejuruteraan Awam</li> <li>5. Pengajian Kejuruteraan Mekanikal</li> <li>6. Lukisan Kejuruteraan</li> <li>7. Reka Cipta</li> <li>8. Sains Tambahan</li> <li>9. Sains Rumah Tangga</li> <li>10. Asas Kelestarian</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sains Sukan</li> <li>2. Pertanian</li> </ol>

**Rajah 10: Prestasi Mata Pelajaran Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi)**

Bagi **12** mata pelajaran Elektif STEM (Sains Gunaan dan Teknologi), mata pelajaran **Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik** telah menunjukkan peningkatan prestasi tertinggi bagi SPM 2023 berbanding tahun 2022; iaitu sebanyak **0.46** mata. Terdapat **dua (2)** mata pelajaran dalam kumpulan ini yang menunjukkan penurunan prestasi

dengan penurunan terbesar oleh mata pelajaran **Pertanian**, iaitu sebanyak **0.41** mata. Mata pelajaran yang menunjukkan prestasi terbaik pula adalah **Asas Kelestarian** dengan GPMP

**3.32** mata.

Seterusnya, daripada **22** mata pelajaran Elektif STEM (MPV), **12** mata pelajaran telah mencatatkan peningkatan prestasi manakala **10** mata pelajaran lagi mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Mata

Meningkat	Menurun
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Landskap dan Nurseri</li> <li>2. Pendawaian Domestik</li> <li>3. Kerja Paip Domestik</li> <li>4. Menservis Motosikal</li> <li>5. Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak</li> <li>6. Produksi Multimedia</li> <li>7. Tanaman Makanan</li> <li>8. Akuakultur dan Haiwan Rekreasi</li> <li>9. Kimpalan Arka dan Gas</li> <li>10. Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara</li> <li>11. Katering dan Penyajian</li> <li>12. Pembinaan Domestik</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Rekaan dan Jahitan Pakaian</li> <li>2. Pemprosesan Makanan</li> <li>3. Hiasan Dalaman</li> <li>4. Pembuatan Perabot</li> <li>5. Gerontologi Asas dan Geriatrik</li> <li>6. Menservis Automobol</li> <li>7. Reka Bentuk Grafik Digital</li> <li>8. Menservis Peralatan Elektrik Domestik</li> <li>9. Produksi Reka Tanda</li> <li>10. Penjagaan Muka dan Pengayaan Rambut</li> </ol>

**Rajah 11: Prestasi Mata Pelajaran Elektif STEM (Mata Pelajaran Vokasional)**

pelajaran dengan peningkatan prestasi tertinggi adalah **Landskap dan Nurseri** dengan peningkatan **0.75** mata. Mata pelajaran yang menunjukkan penurunan terbesar pula adalah **Penjagaan Muka dan Pengayaan Rambut** dengan

penurunan sebanyak **0.29** mata, manakala **Gerontologi Asas dan Geriatrik** menunjukkan prestasi terbaik dengan GPMP **1.39** mata.

**Lima (5)** daripada **tujuh (7)** mata pelajaran Elektif Bahasa juga telah meningkat prestasinya berbanding tahun 2022. Mata pelajaran dengan peningkatan prestasi tertinggi dalam kumpulan ini adalah **Bahasa**

Meningkat	Kekal	Menurun
1. Bahasa Semai 2. Bahasa Kadazandusun 3. Bahasa Punjabi 4. Bahasa Tamil 5. Bahasa Cina	1. Bahasa Arab	1. Bahasa Iban

**Rajah 12: Prestasi Mata Pelajaran Elektif Bahasa**

**Semai** dengan peningkatan **0.29** mata. **Bahasa Iban** pula mencatatkan penurunan prestasi sebanyak **0.03** mata, manakala prestasi **Bahasa Arab** pula kekal pada GPMP **4.27** mata.

Meningkat	Menurun
1. Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah 2. Hifz Al-Quran 3. Maharat Al-Quran 4. Al-Adab Wa Al-Balaghah 5. Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah 6. Turath Bahasa Arab 7. Tasawwur Islam 8. Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah 9. Usul Al-Din	1. Pendidikan Syari'ah Islamiah 2. Al-Syariah 3. Turath Al-Quran dan Al-Sunnah 4. Turath Dirasat Islamiah

**Rajah 13: Prestasi Mata Pelajaran Elektif Pengajian Islam**

**Sembilan (9)** daripada **13** mata pelajaran Elektif Pengajian Islam telah mencatatkan peningkatan prestasi dengan peningkatan tertinggi oleh mata pelajaran **Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah** sebanyak **0.47** mata. **Turath Dirasat Islamiah** pula

menunjukkan penurunan prestasi terbesar sebanyak **0.63** mata. **Turath Al-Quran dan Al-Sunnah** pula mengekalkan prestasi sebagai mata pelajaran terbaik dalam kumpulan mata pelajaran ini dengan GPMP **0.98** mata.

**10** daripada **12** mata pelajaran Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas turut menunjukkan prestasi yang lebih baik. Mata pelajaran **Prinsip Perakaunan** mencatatkan peningkatan prestasi tertinggi sebanyak **0.48** mata berbanding tahun sebelumnya. Penurunan prestasi terbesar pula dicatatkan oleh mata



Meningkat	Menurun
1. Prinsip Perakaunan	1. Bible Knowledge
2. Kesusasteraan Inggeris	2. Kesusasteraan Tamil
3. Pengajian Keusahawanan	
4. Ekonomi	
5. Kesusasteraan Melayu Komunikatif	
6. Kesusasteraan Cina	
7. Geografi	
8. Perniagaan	
9. Pendidikan Muzik	
10. Pendidikan Seni Visual	

**Rajah 14: Prestasi Mata Pelajaran Elektif Kemanusiaan dan Sastera Ikhtisas**

pelajaran **Kesusasteraan Tamil** sebanyak **0.18** mata. **Pendidikan Muzik** menunjukkan prestasi terbaik berbanding mata pelajaran lain dengan GPMP **2.79** mata.

Bagi kumpulan mata pelajaran Kesenian, **sembilan (9)** mata pelajaran meningkat, **enam (6)** menurun manakala **tiga (3)** mata

pelajaran lagi menunjukkan prestasi yang sama seperti tahun 2022. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh mata pelajaran **Sejarah dan Pengurusan Seni**, iaitu sebanyak **0.41** mata. Mata pelajaran dengan penurunan prestasi terbesar pula adalah **Reka Bentuk Kraf**, iaitu sebanyak **0.65** mata. Terdapat **enam (6)** mata pelajaran menunjukkan prestasi terbaik dengan GPMP **0.00** mata.

**Analisis terperinci** bagi semua mata pelajaran pada tahun 2023 ditunjukkan dalam **Lampiran A.**

Meningkat	Kekal	Menurun
1. Sejarah dan Pengurusan Seni	1. Reka Bentuk Industri	1. Reka bentuk Grafik
2. Penulisan Skrip	2. Tarian	2. Alat Muzik Utama
3. Seni Halus 2D	3. Apresiasi Tari	3. Lukisan
4. Muzik Komputer		4. Koreografi Tari
5. Seni Halus 3D		5. Aural dan Teori
6. Multimedia Kreatif		6. Reka Bentuk Kraf
7. Sinografi		
8. Lakonan		
9. Produksi Seni Persembahan		

**Rajah 15: Prestasi Mata Pelajaran Kesenian**

## PENSIJILAN CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS

Seramai **1,726** orang Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK) menduduki peperiksaan SPM Tahun 2023. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak **78.9%** CBPK layak memperoleh sijil SPM Tahun 2023 berbanding **75.8%** pada tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak **3.1%** atau **233** calon. Pensijilan berdasarkan kategori CBPK ditunjukkan dalam **Jadual 3**.

Kategori CBPK	Jumlah Menduduki		% Layak Sijil	
	2022	2023	2022	2023
Kurang Upaya Fizikal	359	465	86.9%	88.2%
Kurang Upaya Pelbagai	93	63	78.5%	79.4%
Kurang Upaya Pendengaran	185	180	62.7%	69.4%
Kurang Upaya Penglihatan (Buta)	34	39	88.2%	89.7%
Kurang Upaya Penglihatan (Rabun)	201	247	87.6%	91.1%
Kurang Upaya Pertuturan	21	26	76.2%	88.5%
Masalah Pembelajaran	597	706	68.0%	70.0%
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,490</b>	<b>1,726</b>	<b>75.8%</b>	<b>78.9%</b>

**Jadual 3: Pensijilan Mengikut Kategori CBPK**

## NILAI TAMBAH PENSIJILAN SPM

Selain daripada pelaporan pencapaian dalam bentuk sijil SPM, calon juga turut menerima pelaporan dan pensijilan tambahan melalui mata pelajaran yang diduduki dalam peperiksaan ini. Pelaporan dan pensijilan tersebut memberi nilai tambah kepada pensijilan yang diperoleh oleh calon yang layak serta memenuhi syarat bagi mata pelajaran tersebut.

Antara pelaporan tambahan yang diterima adalah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris. Kecekapan berbahasa calon dilaporkan dalam bentuk **Pernyataan Keputusan Mata Pelajaran Bahasa Inggeris**. Pelaporan tersebut memaparkan pencapaian calon dalam keempat-empat kemahiran berbahasa

yang diukur, iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur berdasarkan tahap CEFR.

Selain itu, calon yang menduduki mata pelajaran Prinsip Perakaunan turut ditawarkan sijil **IAB LCCI Level 2 Certificate in Book-keeping and Accounts** daripada **London Chamber of Commerce and Industry**. Penawaran dwipensijilan bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan ini telah dilaksanakan mulai tahun 2008. Sijil ini membuka ruang dan peluang kepada murid yang berminat untuk meneruskan pengajian dalam bidang simpan kira dan perakaunan serta memberi nilai tambah dalam pasaran pekerjaan.



Manakala calon-calon yang menduduki mata pelajaran Hifz Al-Quran pula akan menerima **Sijil Tahfiz KPM** sekiranya berjaya menghafal kesemua 30 juzuk Al-Quran. Penganugerahan sijil ini adalah hasil kerjasama antara KPM dan pihak Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia mulai tahun 2018. Calon-calon yang memiliki sijil Tahfiz KPM berpeluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat diploma di Darul Quran dan institusi lain yang bersesuaian.


## KEUPAYAAN CALON MENJAWAB ITEM KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Item-item yang mengukur Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM pada tahun 2014 bertujuan untuk menguji keupayaan calon menggunakan kemahiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta idea secara kreatif atau inovatif dalam proses menyelesaikan masalah secara sistematik dalam situasi baharu dan kehidupan sebenar. **Rajah 16** memaparkan perincian kemahiran yang diukur dalam KBAT.



**Rajah 16: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi**

Peratus item KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan **20%** pada tahun 2014 dan meningkat secara berperingkat sehingga tahun 2021 seperti dipaparkan dalam **Rajah 17**. Mulai tahun 2021 dan seterusnya peratus item KBAT dalam kertas peperiksaan adalah **50%**.



**Rajah 17: Peratus Item KBAT Dalam Kertas Peperiksaan**

### **Kualiti Jawapan Calon dalam Item KBAT**

---

Kualiti jawapan calon dikategorikan kepada Sangat Rendah, Rendah, Sederhana dan Tinggi mengikut kriteria bagi setiap kemahiran. Perincian kategori kualiti calon berdasarkan KBAT ditunjukkan dalam **Jadual 4**.


		Kemahiran			
		Mengaplikasi	Menganalisis	Menilai	Mencipta
Kualiti Jawapan	Tinggi	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul, tepat, terperinci serta mendalam dalam semua konteks.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan terperinci dan jelas berserta bukti yang tepat.	Calon berupaya membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan dengan tepat dan bernas.	Calon berupaya menghasilkan sesuatu yang baharu, kreatif dan menarik dengan mengemukakan pelbagai kaedah dan strategi dalam penyelesaian masalah.
	Sederhana	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan dengan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul dalam sebahagian tugas dan terhad kepada konteks tertentu.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan terperinci dalam sebahagian tugas berserta bukti yang tepat.	Calon berupaya membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan dalam sebahagian tugas dan konteks yang terbatas.	Calon mampu menghasilkan sesuatu yang baharu dan menarik dengan mengemukakan kaedah dan strategi dalam penyelesaian masalah.
	Rendah	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai dengan betul dalam konteks yang mudah sahaja.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dalam konteks yang terhad sahaja.	Calon berupaya membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah.	Calon berupaya menghasilkan sesuatu yang baharu dalam penyelesaian masalah.
	Sangat Rendah	Calon mendapat skor 0 atau tidak menjawab.	Calon mendapat skor 0 atau tidak menjawab.	Calon mendapat skor 0 atau tidak menjawab.	Calon mendapat skor 0 atau tidak menjawab.

**Jadual 4: Kategori Jawapan Calon Mengikut Kemahiran Dalam KBAT**

## Penguasaan KBAT


Penguasaan KBAT dilapor berdasarkan keupayaan calon menjawab item KBAT dalam kertas peperiksaan. Tahap penguasaan minimum KBAT merangkumi

kualiti jawapan calon dari kategori tinggi, sederhana dan rendah. **84.96%** calon mempunyai tahap penguasaan minimum dalam menjawab item yang mengandungi kemahiran KBAT. **Rajah 18** menunjukkan tahap penguasaan minimum setiap kemahiran dalam KBAT.




**Rajah 18: Tahap Penguasaan Minimum Mengikut Kemahiran dalam KBAT**

Tahap penguasaan **baik** dalam KBAT merujuk kepada kualiti jawapan daripada kategori **sederhana** dan **tinggi**. **Rajah 19** menunjukkan peratusan **tahap penguasaan baik** berdasarkan kemahiran dalam KBAT. Secara keseluruhannya, **55.11%** calon mempunyai tahap penguasaan baik dalam menjawab item KBAT.



**Rajah 19: Tahap Penguasaan Baik Mengikut Kemahiran Dalam KBAT**

Analisis kualiti jawapan calon secara terperinci ditunjukkan dalam **Rajah 20**.



**Rajah 20: Peratusan Kualiti Jawapan Calon Mengikut Kemahiran Dalam KBAT**

Berdasarkan analisis yang dijalankan, calon SPM Tahun 2023 mempunyai tahap penguasaan yang baik dalam kemahiran mengaplikasi dan menganalisis berbanding **dua (2)** kemahiran lain dalam KBAT. Analisis menunjukkan bahawa calon SPM Tahun 2023 kurang menguasai kemahiran mencipta dan secara keseluruhannya calon berada pada tahap penguasaan minimum dalam KBAT. Oleh itu, KBAT haruslah sentiasa dipupuk dan dibudayakan dalam diri murid terutamanya melalui proses pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, pembudayaan KBAT juga seharusnya digalakkan melalui penglibatan secara aktif dalam aktiviti pembelajaran berasaskan inkuiri, projek, penyelesaian masalah, membuat keputusan, perbincangan, perbincangan dan lain-lain lagi. Selain itu, ibu bapa, komuniti setempat dan masyarakat perlu memainkan peranan dalam menyediakan ruang dan peluang untuk murid meningkatkan kemahiran berfikir kerana penguasaan KBAT adalah penting kepada murid bagi memastikan mereka mampu untuk menghadapi cabaran dan bersaing di peringkat global.



## **RUMUSAN**

---

Kesimpulannya, analisis keputusan peperiksaan SPM Tahun 2023 menunjukkan peningkatan pencapaian keseluruhan calon. Analisis ini juga menunjukkan bahawa KPM sentiasa komited dalam menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan memastikan kesamarataan peluang kepada semua calon di seluruh negara.

KPM juga akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif yang sedia ada, di samping Dasar Pendidikan Digital dan Pendidikan Manusiawi yang akan membantu ke arah memperkasakan pendidikan berkualiti di Malaysia.

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2023 DAN 2022  
 ANALISIS MATA PELAJARAN DAN GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP) PERINGKAT NASIONAL  
 (Calon Baharu yang Mendaftar Sekurang-kurangnya Enam Mata Pelajaran)

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
1103	Bahasa Melayu	2023	32.7	49.8	15.0	97.5	2.5	372,257	3.86
		2022	31.9	49.0	16.5	97.4	2.6	370,837	3.95
		<b>Beza</b>	<b>0.8</b>	<b>0.8</b>	<b>-1.5</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>1,420</b>	<b>-0.1</b>
1119	Bahasa Inggeris	2023	27.2	32.1	29.5	88.8	11.2	369,674	4.94
		2022	24.8	33.0	27.9	85.7	14.3	368,351	5.13
		<b>Beza</b>	<b>2.4</b>	<b>-0.9</b>	<b>1.6</b>	<b>3.1</b>	<b>-3.1</b>	<b>1,323</b>	<b>-0.2</b>
1223	Pendidikan Islam	2023	30.2	52.1	6.8	89.1	10.9	220,163	4.11
		2022	31.8	49.3	7.7	88.8	11.2	216,998	4.12
		<b>Beza</b>	<b>-1.6</b>	<b>2.8</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>3,165</b>	<b>-0.01</b>
1225	Pendidikan Moral	2023	28.1	43.8	8.7	80.6	19.4	111,570	4.66
		2022	25.8	44.0	10.3	80.1	19.9	114,270	4.86
		<b>Beza</b>	<b>2.3</b>	<b>-0.2</b>	<b>-1.6</b>	<b>0.5</b>	<b>-0.5</b>	<b>-2,700</b>	<b>-0.20</b>
1249	Sejarah	2023	23.6	48.0	22.8	94.4	5.6	372,656	4.63
		2022	25.3	44.0	23.1	92.4	7.6	373,129	4.65
		<b>Beza</b>	<b>-1.7</b>	<b>4.0</b>	<b>-0.3</b>	<b>2.0</b>	<b>-2.0</b>	<b>-473</b>	<b>-0.02</b>
1449	Matematik	2023	32.7	15.2	28.9	76.8	23.2	369,425	5.28
		2022	30.8	15.9	29.0	75.7	24.3	369,348	5.43
		<b>Beza</b>	<b>1.9</b>	<b>-0.7</b>	<b>-0.1</b>	<b>1.1</b>	<b>-1.1</b>	<b>77</b>	<b>-0.15</b>
1511	Sains	2023	23.5	42.5	24.9	90.9	9.1	276,647	4.93
		2022	20.5	43.9	25.6	90.0	10.0	276,213	5.12
		<b>Beza</b>	<b>3.0</b>	<b>-1.4</b>	<b>-0.7</b>	<b>0.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>434</b>	<b>-0.19</b>
2206	Kesusasteraan Inggeris	2023	47.1	36.9	13.6	97.6	2.4	463	3.28
		2022	41.0	35.9	19.8	96.7	3.3	415	3.68
		<b>Beza</b>	<b>6.1</b>	<b>1.0</b>	<b>-6.2</b>	<b>0.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>48</b>	<b>-0.40</b>
2216	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2023	31.2	42.1	20.1	93.4	6.6	10,766	4.37
		2022	25.5	43.0	23.2	91.7	8.3	11,925	4.72
		<b>Beza</b>	<b>5.7</b>	<b>-0.9</b>	<b>-3.1</b>	<b>1.7</b>	<b>-1.7</b>	<b>-1,159</b>	<b>-0.35</b>
2280	Geografi	2023	27.0	47.8	17.8	92.6	7.4	33,098	4.45
		2022	22.8	49.3	19.7	91.8	8.2	34,282	4.71
		<b>Beza</b>	<b>4.2</b>	<b>-1.5</b>	<b>-1.9</b>	<b>0.8</b>	<b>-0.8</b>	<b>-1,184</b>	<b>-0.26</b>
2361	Bahasa Arab	2023	33.3	39.1	19.0	91.4	8.6	27,950	4.27
		2022	33.0	39.5	18.4	90.9	9.1	28,151	4.27
		<b>Beza</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.4</b>	<b>0.6</b>	<b>0.5</b>	<b>-0.5</b>	<b>-201</b>	<b>0.00</b>
2611	Pendidikan Seni Visual	2023	17.6	75.6	6.6	99.8	0.2	111,775	4.15
		2022	14.9	77.2	7.5	99.6	0.4	109,672	4.17
		<b>Beza</b>	<b>2.7</b>	<b>-1.6</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>2,103</b>	<b>-0.02</b>
2621	Pendidikan Muzik	2023	56.1	32.8	10.7	99.6	0.4	533	2.79
		2022	51.7	38.5	9.6	99.8	0.2	416	2.90
		<b>Beza</b>	<b>4.4</b>	<b>-5.7</b>	<b>1.1</b>	<b>-0.2</b>	<b>0.2</b>	<b>117</b>	<b>-0.11</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang	Kepujian	Lulus	A+→E	Gagal		
			A+, A, A-	B+, B, C+, C	DE		G		
2711	Lukisan	2023	97.0	3.0	0.0	100.0	0.0	67	0.30
		2022	98.7	1.3	0.0	100.0	0.0	75	0.19
		<b>Beza</b>	<b>-1.7</b>	<b>1.7</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-8</b>	<b>0.11</b>
2712	Sejarah dan Pengurusan Seni	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	67	0.00
		2022	98.7	1.3	0.0	100.0	0.0	75	0.41
		<b>Beza</b>	<b>1.3</b>	<b>-1.3</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-8</b>	<b>-0.41</b>
2713	Seni Halus 2D	2023	92.6	7.4	0.0	100.0	0.0	27	0.30
		2022	85.7	14.3	0.0	100.0	0.0	28	0.61
		<b>Beza</b>	<b>6.9</b>	<b>-6.9</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-1</b>	<b>-0.31</b>
2714	Seni Halus 3D	2023	85.2	14.8	0.0	100.0	0.0	27	0.44
		2022	92.9	7.1	0.0	100.0	0.0	28	0.57
		<b>Beza</b>	<b>-7.7</b>	<b>7.7</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-1</b>	<b>-0.13</b>
2715	Reka bentuk Grafik	2023	91.3	8.7	0.0	100.0	0.0	23	0.57
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	30	0.53
		<b>Beza</b>	<b>-8.7</b>	<b>8.7</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-7</b>	<b>0.04</b>
2716	Multimedia Kreatif	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	23	0.48
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	30	0.57
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-7</b>	<b>-0.09</b>
2717	Reka Bentuk Kraf	2023	70.6	29.4	0.0	100.0	0.0	17	1.00
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	17	0.35
		<b>Beza</b>	<b>-29.4</b>	<b>29.4</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0</b>	<b>0.65</b>
2718	Reka Bentuk Industri	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	17	0.29
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	17	0.29
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0</b>	<b>0.00</b>
2721	Produksi Seni Persembahan	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	171	0.05
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	150	0.07
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>21</b>	<b>-0.02</b>
2722	Alat Muzik Utama	2023	85.9	14.1	0.0	100.0	0.0	71	0.93
		2022	83.3	16.7	0.0	100.0	0.0	66	0.85
		<b>Beza</b>	<b>2.6</b>	<b>-2.6</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>5</b>	<b>0.08</b>
2723	Muzik Komputer	2023	94.4	5.6	0.0	100.0	0.0	71	0.68
		2022	77.3	22.7	0.0	100.0	0.0	66	0.85
		<b>Beza</b>	<b>17.1</b>	<b>-17.1</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>5</b>	<b>-0.17</b>
2724	Aural dan Teori	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	71	0.55
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	66	0.21
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>5</b>	<b>0.34</b>
2731	Tarian	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	56	0.00
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44	0.00
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>12</b>	<b>0.00</b>
2732	Koreografi Tari	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	56	0.14
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44	0.00
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>12</b>	<b>0.14</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang	Kepujian	Lulus	A+→E	Gagal		
			A+, A, A-	B+, B, C+, C	DE		G		
2733	Apresiasi Tari	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	56	0.00
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44	0.00
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>12</b>	<b>0.00</b>
2741	Lakonon	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44	0.00
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	40	0.03
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>4</b>	<b>-0.03</b>
2742	Penulisan Skrip	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44	0.00
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	40	0.33
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>4</b>	<b>-0.33</b>
2743	Sinografi	2023	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	44	0.00
		2022	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	40	0.08
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>4</b>	<b>-0.08</b>
3472	Matematik Tambahan	2023	17.2	35.2	21.7	74.1	25.9	109,921	5.80
		2022	15.2	34.8	23.8	73.8	26.2	113,709	5.99
		<b>Beza</b>	<b>2.0</b>	<b>0.4</b>	<b>-2.1</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>-3,788</b>	<b>-0.19</b>
3729	Pertanian	2023	22.5	64.3	12.7	99.5	0.5	9,431	4.13
		2022	31.1	57.5	10.7	99.3	0.7	8,511	3.72
		<b>Beza</b>	<b>-8.6</b>	<b>6.8</b>	<b>2.0</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>920</b>	<b>0.41</b>
3754	Pengajian Keusahawanan	2023	34.7	57.0	7.7	99.4	0.6	444	3.48
		2022	29.6	57.5	12.0	99.1	0.9	459	3.87
		<b>Beza</b>	<b>5.1</b>	<b>-0.5</b>	<b>-4.3</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>-15</b>	<b>-0.39</b>
3756	Prinsip Perakaunan	2023	39.6	29.7	23.7	93.0	7.0	56,213	4.11
		2022	32.3	32.2	27.7	92.2	7.8	55,713	4.59
		<b>Beza</b>	<b>7.3</b>	<b>-2.5</b>	<b>-4.0</b>	<b>0.8</b>	<b>-0.8</b>	<b>500</b>	<b>-0.48</b>
3759	Lukisan Kejuruteraan	2023	26.3	53.9	14.2	94.4	5.6	2,029	4.35
		2022	22.3	58.1	15.7	96.1	3.9	1,955	4.49
		<b>Beza</b>	<b>4.0</b>	<b>-4.2</b>	<b>-1.5</b>	<b>-1.7</b>	<b>1.7</b>	<b>74</b>	<b>-0.14</b>
3760	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal	2023	23.6	57.5	17.5	98.6	1.4	635	4.23
		2022	21.1	56.4	20.8	98.3	1.7	636	4.48
		<b>Beza</b>	<b>2.5</b>	<b>1.1</b>	<b>-3.3</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>-1</b>	<b>-0.25</b>
3761	Pengajian Kejuruteraan Awam	2023	19.9	66.4	13.7	100.0	0.0	749	4.30
		2022	19.9	60.7	19.2	99.8	0.2	698	4.57
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>5.7</b>	<b>-5.5</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>51</b>	<b>-0.27</b>
3762	Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	2023	36.8	46.4	16.8	100.0	0.0	595	3.66
		2022	27.0	53.3	19.1	99.4	0.6	627	4.12
		<b>Beza</b>	<b>9.8</b>	<b>-6.9</b>	<b>-2.3</b>	<b>0.6</b>	<b>-0.6</b>	<b>-32</b>	<b>-0.46</b>
3763	Reka Cipta	2023	30.8	57.9	11.2	99.9	0.1	6,775	3.67
		2022	28.2	59.7	12.1	100.0	0.0	6,246	3.80
		<b>Beza</b>	<b>2.6</b>	<b>-1.8</b>	<b>-0.9</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>529</b>	<b>-0.13</b>
3766	Perniagaan	2023	21.3	32.0	40.5	93.8	6.2	81,872	5.29
		2022	18.7	31.3	42.6	92.6	7.4	82,751	5.49
		<b>Beza</b>	<b>2.6</b>	<b>0.7</b>	<b>-2.1</b>	<b>1.2</b>	<b>-1.2</b>	<b>-879</b>	<b>-0.20</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
3767	Ekonomi	2023	21.8	30.9	35.3	88.0	12.0	45,303	5.39
		2022	16.2	32.0	38.9	87.1	12.9	45,805	5.76
		<b>Beza</b>	<b>5.6</b>	<b>-1.1</b>	<b>-3.6</b>	<b>0.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>-502</b>	<b>-0.37</b>
3768	Asas Kelestarian	2023	36.5	59.7	3.7	99.9	0.1	936	3.32
		2022	34.1	63.3	2.6	100.0	0.0	922	3.34
		<b>Beza</b>	<b>2.4</b>	<b>-3.6</b>	<b>1.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>14</b>	<b>-0.02</b>
3769	Sains Rumah Tangga	2023	14.9	50.8	33.8	99.5	0.5	15,428	5.07
		2022	13.5	51.4	34.3	99.2	0.8	14,280	5.16
		<b>Beza</b>	<b>1.4</b>	<b>-0.6</b>	<b>-0.5</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>1,148</b>	<b>-0.09</b>
3770	Sains Komputer	2023	34.0	52.8	13.1	99.9	0.1	14,563	3.67
		2022	24.1	61.2	14.5	99.8	0.2	13,503	4.09
		<b>Beza</b>	<b>9.9</b>	<b>-8.4</b>	<b>-1.4</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>1,060</b>	<b>-0.42</b>
3771	Grafik Komunikasi Teknikal	2023	32.6	54.8	12.5	99.9	0.1	5,038	3.72
		2022	24.5	61.6	13.7	99.8	0.2	5,098	4.10
		<b>Beza</b>	<b>8.1</b>	<b>-6.8</b>	<b>-1.2</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-60</b>	<b>-0.38</b>
4531	Fizik	2023	26.9	53.8	18.7	99.4	0.6	90,778	4.15
		2022	24.1	54.0	20.9	99.0	1.0	92,084	4.37
		<b>Beza</b>	<b>2.8</b>	<b>-0.2</b>	<b>-2.2</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.4</b>	<b>-1,306</b>	<b>-0.22</b>
4541	Kimia	2023	22.6	40.8	33.0	96.4	3.6	91,674	4.89
		2022	21.1	40.3	35.2	96.6	3.4	92,998	5.00
		<b>Beza</b>	<b>1.5</b>	<b>0.5</b>	<b>-2.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>0.2</b>	<b>-1,324</b>	<b>-0.11</b>
4551	Biologi	2023	26.3	50.2	22.6	99.1	0.9	71,604	4.33
		2022	24.4	50.6	23.9	98.9	1.1	73,216	4.51
		<b>Beza</b>	<b>1.9</b>	<b>-0.4</b>	<b>-1.3</b>	<b>0.2</b>	<b>-0.2</b>	<b>-1,612</b>	<b>-0.18</b>
4561	Sains Tambahan	2023	11.1	52.2	33.0	96.3	3.7	1,737	5.34
		2022	8.5	53.5	35.2	97.2	2.8	1,621	5.47
		<b>Beza</b>	<b>2.6</b>	<b>-1.3</b>	<b>-2.2</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.9</b>	<b>116</b>	<b>-0.13</b>
4572	Sains Sukan	2023	21.9	45.5	32.1	99.5	0.5	12,647	4.69
		2022	23.3	43.4	32.7	99.4	0.6	10,813	4.67
		<b>Beza</b>	<b>-1.4</b>	<b>2.1</b>	<b>-0.6</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>1,834</b>	<b>0.02</b>
5226	Tasawwur Islam	2023	28.8	53.7	10.1	92.6	7.4	36,113	4.15
		2022	26.1	53.2	11.1	90.4	9.6	35,785	4.40
		<b>Beza</b>	<b>2.7</b>	<b>0.5</b>	<b>-1.0</b>	<b>2.2</b>	<b>-2.2</b>	<b>328</b>	<b>-0.25</b>
5227	Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah	2023	51.6	36.6	5.3	93.5	6.5	24,950	3.00
		2022	46.9	41.5	6.1	94.5	5.5	25,291	3.14
		<b>Beza</b>	<b>4.7</b>	<b>-4.9</b>	<b>-0.8</b>	<b>-1.0</b>	<b>1.0</b>	<b>-341</b>	<b>-0.14</b>
5228	Pendidikan Syari'ah Islamiah	2023	28.7	55.5	9.7	93.9	6.1	24,625	4.01
		2022	28.4	57.8	8.7	94.9	5.1	25,025	3.94
		<b>Beza</b>	<b>0.3</b>	<b>-2.3</b>	<b>1.0</b>	<b>-1.0</b>	<b>1.0</b>	<b>-400</b>	<b>0.07</b>
5301	Hifz Al Quran	2023	81.1	18.7	0.2	100.0	0.0	3,060	1.39
		2022	72.7	25.4	1.8	99.9	0.1	3,004	1.85
		<b>Beza</b>	<b>8.4</b>	<b>-6.7</b>	<b>-1.6</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>56</b>	<b>-0.46</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang	Kepujian	Lulus	A+→E	Gagal		
			A+, A, A-	B+, B, C+, C	DE		G		
5302	Maharat Al-Quran	2023	51.3	48.7	0.0	100.0	0.0	3,010	2.47
		2022	39.8	59.1	1.1	100.0	0.0	2,962	2.84
		<b>Beza</b>	<b>11.5</b>	<b>-10.4</b>	<b>-1.1</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>48</b>	<b>-0.37</b>
5303	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah	2023	92.0	8.0	0.0	100.0	0.0	50	0.98
		2022	92.9	7.1	0.0	100.0	0.0	42	0.43
		<b>Beza</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.9</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>8</b>	<b>0.55</b>
5304	Turath Dirasat Islamiah	2023	86.0	14.0	0.0	100.0	0.0	50	1.34
		2022	88.1	11.9	0.0	100.0	0.0	42	0.71
		<b>Beza</b>	<b>-2.1</b>	<b>2.1</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>8</b>	<b>0.63</b>
5305	Turath Bahasa Arab	2023	84.0	16.0	0.0	100.0	0.0	50	1.30
		2022	78.6	21.4	0.0	100.0	0.0	42	1.57
		<b>Beza</b>	<b>5.4</b>	<b>-5.4</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>8</b>	<b>-0.27</b>
5401	Usul Al-Din	2023	40.5	43.0	10.8	94.3	5.7	11,508	3.63
		2022	37.0	45.1	10.8	92.9	7.1	12,286	3.77
		<b>Beza</b>	<b>3.5</b>	<b>-2.1</b>	<b>0.0</b>	<b>1.4</b>	<b>-1.4</b>	<b>-778</b>	<b>-0.14</b>
5402	Al-Syariah	2023	31.0	44.7	15.7	91.4	8.6	11,525	4.30
		2022	33.5	43.5	15.3	92.3	7.7	12,285	4.10
		<b>Beza</b>	<b>-2.5</b>	<b>1.2</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.9</b>	<b>0.9</b>	<b>-760</b>	<b>0.20</b>
5403	Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah	2023	19.9	60.2	15.0	95.1	4.9	11,516	4.43
		2022	14.4	59.2	20.6	94.2	5.8	12,282	4.90
		<b>Beza</b>	<b>5.5</b>	<b>1.0</b>	<b>-5.6</b>	<b>0.9</b>	<b>-0.9</b>	<b>-766</b>	<b>-0.47</b>
5404	Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah	2023	26.2	37.2	19.2	82.6	17.4	4,035	4.97
		2022	21.2	38.3	23.1	82.6	17.4	4,280	5.25
		<b>Beza</b>	<b>5.0</b>	<b>-1.1</b>	<b>-3.9</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-245</b>	<b>-0.28</b>
5405	Al-Adab Wa Al-Balaghah	2023	38.4	38.0	12.4	88.8	11.2	4,048	3.99
		2022	33.6	38.5	16.3	88.4	11.6	4,261	4.30
		<b>Beza</b>	<b>4.8</b>	<b>-0.5</b>	<b>-3.9</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.4</b>	<b>-213</b>	<b>-0.31</b>
6351	Bahasa Cina	2023	22.7	66.2	7.2	96.1	3.9	47,727	3.99
		2022	21.5	66.6	7.9	96.0	4.0	48,625	4.07
		<b>Beza</b>	<b>1.2</b>	<b>-0.4</b>	<b>-0.7</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-898</b>	<b>-0.08</b>
6354	Bahasa Tamil	2023	30.6	58.1	8.1	96.8	3.2	7,648	3.74
		2022	30.6	55.1	10.3	96.0	4.0	8,367	3.87
		<b>Beza</b>	<b>0.0</b>	<b>3.0</b>	<b>-2.2</b>	<b>0.8</b>	<b>-0.8</b>	<b>-719</b>	<b>-0.13</b>
6356	Bahasa Iban	2023	44.6	45.6	9.3	99.5	0.5	1,336	3.17
		2022	46.7	42.4	10.0	99.1	0.9	1,286	3.14
		<b>Beza</b>	<b>-2.1</b>	<b>3.2</b>	<b>-0.7</b>	<b>0.4</b>	<b>-0.4</b>	<b>50</b>	<b>0.03</b>
6357	Bahasa Kadazandusun	2023	69.8	21.5	8.2	99.5	0.5	367	2.18
		2022	62.8	27.4	9.7	99.9	0.1	339	2.43
		<b>Beza</b>	<b>7.0</b>	<b>-5.9</b>	<b>-1.5</b>	<b>-0.4</b>	<b>0.4</b>	<b>28</b>	<b>-0.25</b>
6358	Bahasa Semai	2023	28.6	52.4	14.3	95.3	4.7	21	4.38
		2022	22.2	61.1	16.7	100.0	0.0	18	4.67
		<b>Beza</b>	<b>6.4</b>	<b>-8.7</b>	<b>-2.4</b>	<b>-4.7</b>	<b>4.7</b>	<b>3</b>	<b>-0.29</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang	Kepujian	Lulus	A+→E	Gagal		
			A+, A, A-	B+, B, C+, C	DE		G		
7101	Pembinaan Domestik	2023	21.6	78.2	0.0	99.8	0.2	444	3.41
		2022	19.4	80.1	0.0	99.5	0.5	453	3.47
		<b>Beza</b>	<b>2.2</b>	<b>-1.9</b>	<b>0.0</b>	<b>0.3</b>	<b>-0.3</b>	<b>-9</b>	<b>-0.06</b>
7103	Kerja Paip Domestik	2023	60.1	39.5	0.4	100.0	0.0	253	2.31
		2022	43.1	56.9	0.0	100.0	0.0	239	3.03
		<b>Beza</b>	<b>17.0</b>	<b>-17.4</b>	<b>0.4</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>14</b>	<b>-0.72</b>
7104	Pendawaian Domestik	2023	69.3	30.7	0.0	100.0	0.0	88	2.13
		2022	51.6	43.1	5.3	100.0	0.0	95	2.87
		<b>Beza</b>	<b>17.7</b>	<b>-12.4</b>	<b>-5.3</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-7</b>	<b>-0.74</b>
7105	Kimpalan Arka dan Gas	2023	27.3	65.0	6.0	98.3	1.7	300	3.40
		2022	23.6	74.0	2.4	100.0	0.0	335	3.64
		<b>Beza</b>	<b>3.7</b>	<b>-9.0</b>	<b>3.6</b>	<b>-1.7</b>	<b>1.7</b>	<b>-35</b>	<b>-0.24</b>
7106	Menservis Automobil	2023	1.8	97.6	0.6	100.0	0.0	165	4.40
		2022	13.0	86.4	0.6	100.0	0.0	169	4.20
		<b>Beza</b>	<b>-11.2</b>	<b>11.2</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-4</b>	<b>0.20</b>
7107	Menservis Motosikal	2023	27.4	72.1	0.5	100.0	0.0	215	3.33
		2022	22.4	73.8	3.3	99.5	0.5	210	3.80
		<b>Beza</b>	<b>5.0</b>	<b>-1.7</b>	<b>-2.8</b>	<b>0.5</b>	<b>-0.5</b>	<b>5</b>	<b>-0.47</b>
7108	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara	2023	31.3	68.7	0.0	100.0	0.0	147	3.13
		2022	25.5	74.5	0.0	100.0	0.0	145	3.34
		<b>Beza</b>	<b>5.8</b>	<b>-5.8</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>2</b>	<b>-0.21</b>
7109	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	2023	15.1	81.9	2.9	99.9	0.1	769	3.88
		2022	20.0	79.2	0.7	99.9	0.1	804	3.62
		<b>Beza</b>	<b>-4.9</b>	<b>2.7</b>	<b>2.2</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-35</b>	<b>0.26</b>
7110	Pembuatan Perabot	2023	78.6	21.4	0.0	100.0	0.0	276	1.94
		2022	84.3	15.4	0.3	100.0	0.0	280	1.84
		<b>Beza</b>	<b>-5.7</b>	<b>6.0</b>	<b>-0.3</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-4</b>	<b>0.10</b>
7201	Rekaan dan Jahitan Pakaian	2023	22.6	75.2	2.2	100.0	0.0	359	3.46
		2022	22.4	77.6	0.0	100.0	0.0	370	3.45
		<b>Beza</b>	<b>0.2</b>	<b>-2.4</b>	<b>2.2</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-11</b>	<b>0.01</b>
7202	Katering dan Penyajian	2023	39.0	61.0	0.0	100.0	0.0	636	2.80
		2022	38.3	61.7	0.0	100.0	0.0	673	2.94
		<b>Beza</b>	<b>0.7</b>	<b>-0.7</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-37</b>	<b>-0.14</b>
7203	Pemprosesan Makanan	2023	51.7	48.3	0.0	100.0	0.0	1,007	2.57
		2022	54.0	46.0	0.0	100.0	0.0	974	2.55
		<b>Beza</b>	<b>-2.3</b>	<b>2.3</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>33</b>	<b>0.02</b>
7205	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	2023	47.4	52.6	0.0	100.0	0.0	175	2.65
		2022	28.7	71.3	0.0	100.0	0.0	171	3.07
		<b>Beza</b>	<b>18.7</b>	<b>-18.7</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>4</b>	<b>-0.42</b>
7207	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut	2023	76.7	23.3	0.0	100.0	0.0	129	2.11
		2022	87.8	12.2	0.0	100.0	0.0	139	1.82
		<b>Beza</b>	<b>-11.1</b>	<b>11.1</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-10</b>	<b>0.29</b>

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
7208	Gerontologi Asas dan Geriatrik	2023	93.4	6.6	0.0	100.0	0.0	76	1.39
		2022	97.8	2.2	0.0	100.0	0.0	90	1.20
		<b>Beza</b>	<b>-4.4</b>	<b>4.4</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-14</b>	<b>0.19</b>
7301	Landskap dan Nurseri	2023	47.9	51.8	0.2	99.9	0.1	1,800	2.64
		2022	28.0	71.0	1.0	100.0	0.0	1,834	3.39
		<b>Beza</b>	<b>19.9</b>	<b>-19.2</b>	<b>-0.8</b>	<b>-0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>-34</b>	<b>-0.75</b>
7302	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	2023	67.1	32.9	0.0	100.0	0.0	73	2.19
		2022	48.4	51.6	0.0	100.0	0.0	91	2.49
		<b>Beza</b>	<b>18.7</b>	<b>-18.7</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>-18</b>	<b>-0.30</b>
7303	Tanaman Makanan	2023	69.0	30.6	0.4	100.0	0.0	248	1.99
		2022	58.5	41.1	0.4	100.0	0.0	236	2.39
		<b>Beza</b>	<b>10.5</b>	<b>-10.5</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>12</b>	<b>-0.40</b>
7403	Produksi Multimedia	2023	41.4	58.2	0.4	100.0	0.0	758	2.89
		2022	29.9	69.7	0.4	100.0	0.0	725	3.30
		<b>Beza</b>	<b>11.5</b>	<b>-11.5</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>33</b>	<b>-0.41</b>
7405	Produksi Reka Tanda	2023	62.8	37.1	0.1	100.0	0.0	1,714	2.27
		2022	75.9	24.1	0.0	100.0	0.0	1,662	2.01
		<b>Beza</b>	<b>-13.1</b>	<b>13.0</b>	<b>0.1</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>52</b>	<b>0.26</b>
7406	Hiasan Dalaman	2023	86.7	13.3	0.0	100.0	0.0	285	1.72
		2022	91.0	9.0	0.0	100.0	0.0	267	1.66
		<b>Beza</b>	<b>-4.3</b>	<b>4.3</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>18</b>	<b>0.06</b>
7407	Reka Bentuk Grafik Digital	2023	71.0	29.0	0.0	100.0	0.0	1,067	2.10
		2022	82.0	18.0	0.0	100.0	0.0	985	1.85
		<b>Beza</b>	<b>-11.0</b>	<b>11.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>0.0</b>	<b>82</b>	<b>0.25</b>
9216	Kesusasteraan Cina	2023	31.1	37.2	17.1	85.4	14.6	1,682	4.63
		2022	25.2	39.1	19.3	83.6	16.4	1,774	4.96
		<b>Beza</b>	<b>5.9</b>	<b>-1.9</b>	<b>-2.2</b>	<b>1.8</b>	<b>-1.8</b>	<b>-92</b>	<b>-0.33</b>
9217	Kesusasteraan Tamil	2023	40.1	43.0	9.6	92.7	7.3	2,377	3.70
		2022	43.4	41.6	7.6	92.6	7.4	2,528	3.52
		<b>Beza</b>	<b>-3.3</b>	<b>1.4</b>	<b>2.0</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-151</b>	<b>0.18</b>
9221	Bible Knowledge	2023	32.7	35.7	11.3	79.7	20.3	266	4.64
		2022	32.0	36.4	11.2	79.6	20.4	269	4.62
		<b>Beza</b>	<b>0.7</b>	<b>-0.7</b>	<b>0.1</b>	<b>0.1</b>	<b>-0.1</b>	<b>-3</b>	<b>0.02</b>
9378	Bahasa Punjabi	2023	70.0	26.0	4.0	100.0	0.0	50	2.22
		2022	67.5	30.0	0.0	97.5	2.5	40	2.43
		<b>Beza</b>	<b>2.5</b>	<b>-4.0</b>	<b>4.0</b>	<b>2.5</b>	<b>-2.5</b>	<b>10</b>	<b>-0.21</b>





## **KEMENTERIAN PENDIDIKAN LEMBAGA PEPERIKSAAN**

ARAS 1,2 5-13, BLOK E11 DAN ARAS 3, BLOK E14  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62604 PUTRAJAYA

JALAN TUNKU ABDUL HALIM  
50605 KUALA LUMPUR

LAMAN WEB : [lp.moe.gov.my](http://lp.moe.gov.my)